

# Kerajaan ambil alih bina rumah kos

UM 13 SEP 2003

KUALA LUMPUR 12 Sept. — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan mengambil alih semua pembinaan perumahan kos rendah dan sederhana di seluruh negara melalui Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB).

Namun menurutnya, pemaju-pemaju perumahan swasta akan diberi pilihan sama ada untuk melaksanakan sendiri pembinaan rumah kos rendah sebanyak 30 peratus atau menyerahkan kepada SPNB untuk melaksanakan pembinaan.

Katanya, bagaimanapun pemaju-pemaju terbabit akan dikehendaki membayar caruman sebagai timbal balas.

Bagi memudahkan penduduk berpendapatan rendah mendapat pinjaman perumahan,

Dr. Mahathir berkata, pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang membeli rumah kos rendah yang dibina oleh SPNB akan diberi kemudahan end financing melalui Malaysia Building Society Berhad (MBSB).

“Oleh kerana penyediaan perumahan kos rendah dianggap satu tanggungjawab sosial kerajaan, maka kerajaan negeri akan diminta untuk mengecualikan premium tanah bagi pembinaan rumah kos rendah ini,” katanya.

Beliau juga Menteri Kewangan berkata demikian ketika membentangkan Bajet 2004 di Dewan Rakyat hari ini.

Sejajar dengan itu, Dr. Mahathir meminta semua syarikat utiliti yang terlibat dalam membekalkan kemudahan perkhidmatan se-

perti elektrik, air dan telefon supaya hanya mengenakan kos asas sahaja dalam usaha mengurangkan kos pembinaan rumah jenis itu.

Dalam perkembangan sama, beliau berkata satu projek perintis sebanyak 10 ribu unit rumah mampu milik berasaskan konsep baru itu akan dilaksanakan di atas tanah seluas 1,000 ekar milik Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM) di Lembah Klang.

“Projek ini akan dilengkapi dengan kemudahan pengangkutan awam, pusat ibadah, kemudahan komersial, pusat membeli-belah, kedai runcit, kemudahan riadah, dewan orang ramai dan lain-lain kemudahan,” katanya.

Selain itu, kerajaan akan membina 91,213

## rendah, sederhana

rumah kos rendah dan sederhana membabitkan kos berjumlah RM558.8 juta pada tahun 2004 untuk memenuhi keperluan tempat tinggal golongan berpendapatan rendah.

Katanya, kerajaan turut memperuntukkan RM669.1 juta lagi untuk meneruskan pembinaan 2,500 unit rumah untuk tentera dan 44 projek perumahan bagi anggota anggota polis.

Sementara itu, peruntukan sebanyak RM38 juta turut disediakan bagi pembinaan kuarters guna sama di sekitar Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan ibu negara.

Pada 21 Mei lalu ketika mengumumkan Pakej Strategi Baru Ekonomi, beliau mengumumkan SPNB akan diberi tanggungjawab

membina 150,000 unit rumah kos rendah dan sederhana di seluruh negara hingga 2005.

Di samping itu, SPNB juga akan membeli 4,400 unit rumah flat untuk disewakan kepada golongan tersebut bagi mengatasi masalah setinggan dan memberi peluang kepada golongan itu mendapat tempat tinggal yang lebih selesa.

“Berasaskan kepada profil penduduk negara, terutamanya mereka dalam golongan umur 20 hingga 24 tahun, permintaan perumahan kos rendah dan sederhana dianggarkan meningkat sebanyak 500 ribu unit untuk tempoh lima tahun akan datang,” kata Dr. Mahathir.